

**DM 4.4: Cadangan Penambahan Bilangan Perangkap Kera Dan Kerjasama Strategik Agensi Kerajaan dengan PERHILITAN**

**CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM**

**Justifikasi Cadangan:**

- Peningkatan kes aduan kera bermasalah memerlukan penambahan perangkap kera oleh Jabatan PERHILITAN.
- Frekuensi dan jumlah lokasi perangkap yang dipasang juga akan meningkat sekali gus kecekapan tindakan adalah lebih efisien.
- Pihak yang terbabit boleh berkolaborasi bersama Jabatan PERHILITAN dalam proses tangkapan kera bermasalah.

**Komponen Cadangan:**

- Memberi sumbangan perangkap kera bersaiz 8'x8'x8' dan perangkap pemindahan kera 2' x 2' x 3'.
- Perangkap yang lengkap boleh dipasang oleh pihak-pihak terbabit (PBT / Pejabat Daerah / JPKK / Pengusaha Tanaman) di kawasan aduan penduduk yang telah dikenal pasti.
- Jabatan PERHILITAN akan bertindak sebagai penyelaras atau pemantau bagi operasi-operasi yang dijalankan.

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Membekalkan perangkap kera bersaiz 8' x 8'x 8' dan perangkap pemindahan kera 2' x 2' x 3'.
- Kerjasama berkongsi kepakaran antara Jabatan PERHILITAN dengan pihak terbabit.
- Agensi Jabatan PERHILITAN sebagai pelaksanaan pemantauan operasi yang dijalankan dalam menangani masalah konflik hidupan liar di kawasan petempatan desa.

**CADANGAN LOKASI**

Cadangan ini melibatkan **137 kampung**.

| Daerah        | Kampung Dalam Bandar | Kampung Luar Bandar/Desa |
|---------------|----------------------|--------------------------|
| Johor Bahru   | 28                   | -                        |
| Kulai         | 4                    | 5                        |
| Kota Tinggi   | 9                    | 58                       |
| Pontian       | 5                    | 28                       |
| <b>Jumlah</b> | <b>46</b>            | <b>91</b>                |

**AGENSI PELAKSANA**


| Pemula  | Pelaksana   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPLB</li> <li>• PBT</li> <li>• Pejabat Daerah</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PERHILITAN</li> <li>• PBT</li> <li>• Pejabat Daerah</li> </ul> |

**ANGGARAN KOS**

- Kos satu (1) unit perangkap kera bersaiz 8'x8'x8' = RM 2,500/ kampung
- Kos satu (1) unit perangkap kera bersaiz 2'x 2' x3'. = RM 300/ kampung

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 383,600**

**FASA PELAKSANAAN**



## Penemuan Strategik

- Kerjasama Strategik Agensi Kerajaan dengan PERHILITAN



Foto: Contoh perangkap kera bersaiz 8'x8'x8'.

Sumber: Laman Rasmi Jabatan PERHILITAN, Program Kesejahteraan Rakyat Kawalan Gangguan Hidupan Liar



### Pemberian Sumbangan Dalam Membekalkan Perangkap Kera

- Pihak Jabatan PERHILITAN, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan Kerjasama Pejabat Daerah Tangkak telah menganjurkan 'Program Kesejahteraan Rakyat Berteraskan Kawalan Gangguan Hidupan Liar.
- Pihak ini berupaya menyalurkan sumbangan untuk membekalkan perangkap – perangkap kera.
- Penambahan bilangan perangkap berupaya meningkatkan kecekapan pengurusan, frekuensi dan lokasi ia dipasang di petempatan desa.
- Kerjasama Pihak Pertanian Daerah Muar dalam pemindahan lokasi pemasangan perangkap kera dari Kg. Jorak ke Pt Hj Nor, Bakri Muar.



Foto: Susulan pemantauan Jabatan PERHILITAN Negeri Johor di Kg. Tenang, Segamat.

Sumber: Jabatan PERHILITAN, 2019



### PERHILITAN Sebagai Penyelaras / Pemantau Terhadap Operasi Yang Dijalankan

- Perangkap yang lengkap boleh dipasang oleh pihak-pihak terbabit (PBT / Pejabat Daerah / JPKK / Pengusaha Tanaman) di kawasan aduan penduduk yang telah dikenal pasti.
- Jabatan PERHILITAN akan bertindak sebagai penyelaras atau pemantau bagi operasi-operasi yang dijalankan.
- Jabatan PERHILITAN akan berkongsi kepakaran dalam menyediakan perangkap kera dengan pihak-pihak terbabit bagi mengurus kawasan gangguan kera mereka sendiri.
- Sebagai contoh, PERHILITAN mengoperasi tangkapan seekor gajah jantan di Kg. Tenang, Segamat Johor.

Sumber: Laporan Tahunan PERHILITAN, 2019